



فجابه ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Blok 2, Aras 1, Kota Darulnaim,  
15503 KOTA BHARU  
KELANTAN.

Tel : 09-748 1957  
Pengarah : 09-748 5826  
Faks : 09-747 0890 /  
: 747 4152 / 748 2652  
E-mail : bpsm@kelantan.gov.my

Ruj. Kami: SUK.D.200(06)411/2 (4)  
Bertarikh : 21 Rabiulakhir 1442H  
06 Disember 2020

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Bahagian Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

YB.Dato'/YBhg.Dato'/Tuan/Puan,

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI  
JAJAHAN YANG MASIH DALAM PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN  
BERSYARAT (PKPB)**

Dengan hormatnya saya merujuk mengenai perkara di atas

2. Sebagaimana YB. Dato'/YBhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 3 Tahun 2020, Rujukan: SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (90) bertarikh 26 November 2020 **bersetuju agar seluruh perkhidmatan Kerajaan Negeri beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam di pejabat adalah sebanyak 70 peratus bagi Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).**

3. Sidang media khas Menteri Kanan Keselamatan pada 5 Disember 2020 (Sabtu) telah mengumumkan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Kelantan telah **ditamatkan** kecuali jajahan **Kota Bharu, Pasir Mas, Tanah Merah dan Machang** .

4. Sehubungan itu, pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju untuk melanjutkan Arahan Pentadbiran yang dikeluarkan sebelum ini yang menetapkan kehadiran penjawat awam ke pejabat adalah sebanyak **70 peratus** bagi jajahan-jajahan yang **masih dalam PKPB sahaja**. Manakala bagi jajahan-jajahan lain yang tidak terlibat dengan PKPB, kehadiran penjawat awam ke pejabat adalah sebanyak **100 peratus**.

5. Arahan pengoperasian perkhidmatan bagi jajahan yang masih dalam PKPB ini berkuatkuasa pada **07 Disember 2020** sehingga tempoh PKPB ditamatkan.

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

Saya yang menjalankan amanah,



**DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR** , *D.P.S.K (Kelantan)*

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

s.k.: - YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

- YBrs Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia